

12 JAN 2003

Parlimen-Mesyuarat/I

ISU KEGANASAN DIJANGKA DOMINASI MESYUARAT APPF

Oleh: Abdul Aziz Harun

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Perbincangan mengenai keganasan dan keselamatan, pengedaran dadah, kegiatan lanun dan rasuah dijangka menguasai mesyuarat ke-11 Forum Parlimen Asia Pasifik (APPF) bermula di sini esok.

Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Michael Chen, yang juga pengerusi APPF, berkata isu-isu berkenaan merupakan masalah yang berterusan di beberapa negara dan dibincangkan berulang-kali.

Katanya selepas serangan 11 Sept, kebanyakan badan antarabangsa amat bimbang mengenai keselamatan dunia kerana jelas terbukti tiada negara yang tidak boleh ditembusi serangan penganas.

"Anti keganasan merupakan antara agenda utama yang dibincangkan pada mesyuarat APPF di Honolulu tahun lepas," katanya kepada Bernama dalam satu temuramah di pejabatnya di sini.

APPF merupakan sebuah forum bukan eksklusif anggota parlimen negara-negara, yang diasaskan bekas perdana menteri Jepun Yasuhiro Nakasone pada 1991. Anggota parlimen yang hadir sama ada menyertainya sebagai delegasi mewakili Parlimen mereka atau secara peribadi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan mesyuarat tiga hari itu yang akan dihadiri kira-kira 180 anggota delegasi dari 27 negara anggota.

Negara-negara berkenaan ialah Australia, Kemboja, Kanada, Costa Rica, Ecuador, Chile, China, Colombia, Fiji, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Laos, Malaysia, Marshall Island, Mexico, Micronesia, Mongolia, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Filipina, Russia, Singapura, Thailand, Amerika Syarikat and Vietnam.

Chen berkata isu keganasan memberi tumpuan kepada serangan Amerika terhadap Afghanistan pada mesyuarat lepas dengan para peserta masing-masing memberikan pelbagai pendapat.

"Kini keadaannya hampir sama dengan Amerika sedang bersiap sedia untuk melancarkan perang terhadap Iraq. Sudah tentu beberapa negara akan mengemukakan pandangan mereka mengenai isu itu," katanya.

Beliau berkata mesyuarat itu akan menjadi forum yang baik bagi anggota parlimen menggesa negara-negara berkaitan untuk mendengar, memikirkan dan cuba menyelesaikan apa jua masalah melalui saluran diplomatik.

Pada mesyuarat APPF lepas juga, para wakil delegasi menyatakan kebimbangan mengenai tindakan keganasan pada masa depan memandangkan potensi penggunaan senjata pemusnah besar-besaran.

"Saya fikir kita perlu mencapai kata sepakat untuk mencari jalan memerangi keganasan. Bagaimana untuk menyelaraskannya di kalangan negara anggota adalah penting untuk menjadikan apa juga langkah yang diambil lebih berkesan," katanya.

Chen berkata Malaysia, dengan cerita kejayaannya memerangi keganasan dalam negara semasa era kemerdekaan, akan mengemukakan pandangannya mengenai isu itu terutama perlunya mencari punca sebenar yang menyebabkan keganasan dan cara terbaik untuk menanganinya.

Beliau menarik perhatian bahawa walaupun keganasan seolah merupakan agenda baru yang dibawa kepada perhatian APPF baru-baru ini, masalah keselamatan sentiasa dibincangkan pada mesyuarat-mesyuarat yang terdahulu.

"Mesyuarat terdahulu juga sentiasa menekankan perlunya untuk memperluaskan kerjasama di kalangan negara anggota dalam membanteras masalah lanun di laut di rantau Asia Pasifik," katanya.

Beliau berkata sepanjang beberapa tahun lalu, terdapat sejumlah kes

kegiatan melanun dilaporkan di rantau Asia Pasifik dan memandangkan keadaan agak membimbangkan, beliau pasti para anggota delegasi akan berminat membincangkannya.

Sementara itu, pengedaran dadah juga merupakan antara agenda utama perbincangan pada Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Los Cabos tahun lepas.

Sementara Apec, yang ditubuhkan pada 1989, menekankan lebih kepada kerjasama ekonomi, APPF bertindak sebagai cabang perundangan dan elbih merupakan forum longgar yang tidak eksklusif antara anggota parlimen negara-negara.

Chen berkata situasi di Asia Barat juga dibangkitkan pada mesyuarat lepas sebagai sebahagian daripada agenda yang dibincangkan APPF di bawah kaedah untuk mewujudkan sebuah dunia yang aman dan stabil.

"Saya amat yakin para anggota delegasi juga mahu mendengar apa yang akan diperkatakan Perdana Menteri Dr Mahathir pada forum itu, dan mereka mahu membincangkannya pada mesyuarat itu," katanya.

-- BERNAMA
AZH AZZ RON